



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

KALKULATOR SEBAB KEMATIAN

DOSM Lancar Kalkulator Sebab Kematian Berasaskan 1.9 juta Rekod Kematian

PUTRAJAYA, 7 JULAI 2026 – Menjelang Hari Penduduk Sedunia pada 11 Julai 2026, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melancarkan **Kalkulator Sebab Kematian**, iaitu satu aplikasi simulasi statistik interaktif yang menganggarkan sebab kematian utama berdasarkan ciri-ciri demografi terpilih. Aplikasi ini dibangunkan berasaskan 1.9 juta rekod kematian yang disahkan secara perubatan di Malaysia bagi tempoh 2000 hingga 2023. Inisiatif ini merupakan sebahagian daripada usaha strategik DOSM untuk memperluaskan akses kepada statistik rasmi melalui pendekatan digital yang lebih interaktif, mudah difahami dan mesra pengguna, sekali gus meningkatkan kefahaman masyarakat terhadap pola kematian penduduk serta perubahan demografi yang sedang berlaku di Malaysia.

Pembangunan Kalkulator Sebab Kematian bertujuan meningkatkan kefahaman masyarakat mengenai corak kematian di Malaysia berdasarkan ciri-ciri demografi seperti umur, jantina, etnik, negeri dan daerah pentadbiran. Melalui aplikasi ini, pengguna dapat meneroka sebab kematian utama yang pernah direkodkan dalam kalangan individu yang mempunyai profil demografi yang serupa. Analisis yang dipaparkan adalah berdasarkan data kematian yang disahkan secara perubatan mengikut klasifikasi *International Statistical Classification of Diseases and Related Health Problems, 10th Revision (ICD-10)* yang diterbitkan oleh *World Health Organization (WHO)*.

Kalkulator Sebab Kematian turut menyediakan maklumat yang boleh dimanfaatkan oleh penyelidik, pelajar, institusi pendidikan, media, pembuat dasar serta orang awam sebagai rujukan untuk memahami trend kematian mengikut kumpulan penduduk. Maklumat yang dipaparkan dapat menyokong penyelidikan, perancangan dasar kesihatan awam serta meningkatkan kefahaman masyarakat terhadap kepentingan statistik kematian dalam menilai status kesihatan penduduk dan cabaran kesihatan negara.

Ketua Perangkawan Malaysia berkata, "*Ischaemic heart diseases* merupakan sebab kematian utama di Malaysia pada 2024 dengan 17,421 kematian atau 13.0 peratus daripada jumlah kematian yang disahkan secara perubatan. Sebanyak

198,992 kematian direkodkan pada 2024 yang mana 133,844 (67.3%) adalah sebab kematian yang disahkan secara perubatan dan 65,148 (32.7%) adalah sebab kematian yang tidak disahkan secara perubatan”.

Kalkulator Sebab Kematian boleh diakses melalui <https://kalkulator.dosm.gov.my/cod/>

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang melaksanakan **Banci Ekonomi 2026 (BE2026)** dengan tema “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. Pelaksanaan Banci Ekonomi kali keenam ini berlangsung dari **5 Januari hingga 31 Oktober 2026**. BE2026 bertujuan untuk mengumpul data yang menyeluruh dan berstruktur daripada semua pertubuhan perniagaan berdaftar dan tidak berdaftar di Malaysia, bagi menilai prestasi, struktur serta ciri-ciri ekonomi negara secara komprehensif dan berasaskan bukti.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki **tangga pertama (1)** di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM Geohub merupakan platform pemetaan digital bagi memudahkan akses kepada statistik rasmi negara yang diintegrasikan dengan maklumat geospasial dan boleh diakses melalui portal <https://dosmgeoportal.dosm.gov.my/geohub/>.

DOSM turut membangunkan **Kalkulator Jangka Hayat** yang boleh diakses melalui laman web <http://kalkulator.dosm.gov.my/lifeexpectancy> serta dimuat turun sebagai aplikasi menerusi Google Play Store dan App Store.

Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
7 JULAI 2026